

Kajian Mohd Rashid dapat pengiktirafan

MAHASISWA pasca siswazah, Mohd Rashid Ab Hamid dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Poster Penyelidikan sempena sambutan Hari Statistik Sedunia 2010 di Institut Sains Matematik, Universiti Malaya (UM), baru-baru ini.

Beliau yang juga pensyarah di Universiti Malaysia Pahang (UMP), menentang kajian bertajuk 'Value-Based Total Performance Excellence Measurement (VBTPEM)' yang tertumpu kepada pembentukan model kecemerlangan yang diuji menggunakan teknik statistik iaitu Structural Equation Modeling (SEM).

Kajian itu dijalankan di beberapa Institusi Pen-

gajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara bagi mengukur prestasi universiti berdasarkan nilai teras pada semua peringkat secara lebih menyeluruh dan bersepadu.

Soal selidik atau instrumen ini mula diedarkan sejak Januari hingga Mac lalu ke beberapa institusi terpilih dengan lima daripadanya adalah Universiti Penyelidikan iaitu UM, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), UKM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Manakala enam lagi ialah Universiti Fokus iaitu Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Melaka, Universiti Perlis, Universiti Tun Hussein Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaysia Kelantan. "Hasil kajian ini membe-

rikan penanda aras terhadap usaha meningkatkan prestasi universiti khususnya di negara ini," katanya.

Sambutan Hari Statistik Sedunia buat julung kalinya dianjurkan di seluruh dunia di bawah sokongan dan pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 Oktober 2010.

Instrumen penilaian ini dibangunkan untuk kegunaan warga kampus menilai prestasi universiti berdasarkan persepsi terhadap pencapaian semasa bagi memacu kejayaan lebih cemerlang pada masa hadapan.

Setiap soalan mewakili nilai teras ditetapkan di bawah kriteria tertentu dalam Model Kecemerlangan Prestasi berasaskan Nilai Teras atau Value-Based Total Performance Excellence Model (VBTPEM).



BERBAKAT... Mohd Rashid (kiri) menerima hadiah kemenangan yang dicapai.